

UMS anjur Karnival Industri

HE 22.11.2013 7

KOTA KINABALU: Bersempena dengan Majlis Konvokesyen Ke-15 Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pusat Hubungan Industri (PHI)UMS telah mengadakan Karnival Industri bermula 20 hingga 22 November.

Karnival tiga hari ini adalah bertujuan memberikan peluang kepada graduan-graduan UMS untuk meninjau peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak industri.

Antara organisasi yang terlibat ialah Petronas Berhad, JobsMalaysia, Digi, Bayu Success Training & Events, AIA Berhad, Sekretariat Pencegahan Rasuah UMS, Prudential Assurance Malaysia Berhad, Jabatan Imigresen Malaysia, Talent Corporation Malaysia Dan Royal Institution Academy.

Karnival ini diadakan di Dewan Kuliah Pusat Kedua UMS iaitu bersebelahan dengan ruang peminjaman

jubah dan dibuka mulai 9 pagi hingga 4.30 petang.

Di samping pameran dan penerangan daripada wakil-wakil industri yang terlibat, pengunjung terutamanya graduan yang sedang mencari pekerjaan berpeluang untuk menghadiri temu duga terbuka (walk-in interview).

Manakala bagi mereka yang mempunyai idea-idea kreatif boleh menyertai Digi Challenges yang menawarkan hadiah sebanyak RM25,000.

Sehubungan itu, PHI UMS mengalu-alukan semua graduan yang masih mencari pekerjaan untuk mengunjunginya karnival ini. Untuk keterangan lanjut mengenai peluang-peluang pekerjaan, alumni UMS adalah dialu-alukan untuk berhubung dengan PHI di talian 088-320000 sambungan 6122002, 6122003 dan 6122004.